

03/11/1998

PM, Mohtar didakwa hina mahkamah

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Tinggi hari ini diminta supaya mengambil tindakan ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abddulah, yang didakwa menghina mahkamah kerana mengeluarkan kenyataan berhubung kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam bela, Raja Aziz Addruse yang mewakili Anwar memberitahu mahkamah mereka mengeluarkan kenyataan selepas Mahkamah Tinggi mengeluarkan perintah pada 5 Oktober lalu melarang kes itu dibincangkan secara umum.

Raja Aziz berkata, kenyataan Dr Mahathir disiarkan oleh akhbar tempatan Sabtu lalu yang mempunyai kaitan dengan kes Anwar manakala Mohtar mengeluarkan kenyataan bahawa Anwar akan menghadapi tuduhan selepas kes ini selesai.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir itu mengganggu mahkamah.

Menurutnya, Peguam Negara pula yang sebelum ini bercakap soal profesional dalam tugas jabatan itu, kini seolah-olah mengeluarkan kenyataan mengenai tuduhan ke atas Anwar secara "ansuran".

Beliau berkata, jika Peguam Negara mempunyai cukup bukti ke atas tuduhan itu, pendakwa perlu mendakwa Anwar sekarang.

Hakim Datuk S Augustine Paul memberitahu Raja Aziz hanya Peguam Negara yang boleh mengambil tindakan ke atas Dr Mahathir dan mahkamah itu tidak berkuasa berbuat demikian.

Sementara itu, peguam bela, Karpal Singh yang mewakili Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, meminta mahkamah supaya mengambil tindakan menghina mahkamah ke atas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Nazri Aziz.

Katanya, Mohd Nazri cuba campur tangan perbincangan hari ini apabila mengeluarkan kenyataan semalam meminta Paul meletak jawatan jika tidak mampu mengendalikan kes itu.

Beliau mendakwa, kenyataan Mohd Nazri yang disiarkan oleh akhbar tempatan itu adalah dibuat bagi pihak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir.

Karpal juga meminta mahkamah membuat satu ketetapan mengenai kenyataan Kelab Senator yang mendakwa beliau melanggar perintah mahkamah apabila membincang kes ini di Dewan Rakyat.

Paul memberitahu Karpal supaya mengemukakan permohonan lain selepas kes ini berakhir nanti.

(END)